

**Dasar Pandang Ke Timur Telah Beri Manfaat Kepada Malaysia Dan Jepun
Bernama
24 Mei, 2012**

GEORGE TOWN, 24 Mei (Bernama) -- Dasar Pandang Ke Timur telah memberi manfaat kepada Malaysia dan Jepun, terutama dalam hubungan dua hala dan pembangunan sosial, kata Konsul Jeneral Jepun di Pulau Pinang Tetsuro Kai.

Beliau berkata ini khususnya program-program pengajian dan pertukaran di bawah dasar itu yang telah memberi banyak faedah kepada pertukaran bakat, pembangunan ekonomi dan persefahaman bersama antara kedua-dua negara.

Kai berkata sejak tiga dekad lepas, lebih 15,000 rakyat Malaysia telah mendapat faedah daripada dasar itu menerusi pengajian dan latihan di universiti dan syarikat Jepun, terutama dalam sektor yang memerlukan kemahiran dan penggunaan teknologi terkini.

"Dasar ini telah banyak membantu kedua-dua negara, khususnya Malaysia. Dasar ini bermanfaat kepada Malaysia bukan sahaja dalam ekonomi tetapi juga etika kerja.

"Kerajaan Jepun menyokong program-program ini dengan menghantar guru dari Jepun ke sini (Malaysia) dan juga berkongsi sebahagian kosnya," katanya pada sidang akhbar sempena sambutan ulang tahun ke-30 Dasar Pandang Ke Timur di sini Khamis.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=668377>